KALENDAR PERISTIWA
Januari – Mac 2006

16 Januari 2006

Untuk menggalakkan lebih banyak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menyertai pasaran eksport, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa semua bank yang terlibat akan menawarkan dua produk pembiayaan perdagangan yang baru untuk PKS di bawah pembiayaan konvensional dan secara Islam. Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang menyediakan pembiayaan kepada pengeksport langsung Malaysia dalam ringgit dan mata wang asing utama dalam bentuk pembiayaan sebelum dan selepas penghantaran. Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung menyediakan pembiayaan ringgit kepada pengeksport tidak langsung tanpa rekursa, dengan bank yang terlibat akan mendiskaun invois dagangan ekoran pembekalan barangan dan perkhidmatan kepada pengeksport langsung. Di bawah pengaturan ini, risiko kredit akan dikongsi antara bank yang terlibat dengan Export-Import Bank of Malaysia Berhad.

17 Januari 2006

Kenyataan bersama Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia melaporkan bahawa pelaksanaan rangka kerja bank pelaburan yang diumumkan pada tahun 2005 sedang berjalan seperti yang dijadualkan. Adalah dijangkakan bahawa 17 buah bank pelaburan akan wujud daripada pelaksanaan rangka kerja ini, dan kelak tiada lagi syarikat diskaun dan bank saudagar dalam landskap kewangan Malaysia.

20 Januari 2006

Jawatankuasa Dasar Monetari membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3%.

20 Januari 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa berkuat kuasa serta-merta, had bagi pelaburan dalam kemudahan kredit oleh penanggung insurans hayat bagi tujuan memenuhi keperluan margin kesolvenan (MOS) minimum dinaikkan daripada 50% kepada 70% daripada MOS. Liberalisasi ini akan membolehkan penanggung insurans hayat mencapai pemadanan aset liabiliti yang lebih baik serta memberi mereka lebih kefleksibelan untuk melabur dalam bon jangka panjang yang berkualiti tinggi, dan dengan itu menyumbang ke arah pembangunan pasaran modal domestik.

21 Januari 2006

Gabenor Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dianugerahi Doktor Kehormat Undang-Undang (LL.D.) oleh University of Nottingham pada istiadat penyampaian ijazah yang kelima di kampus Malaysia universiti itu. Dalam ucapan penerimaan beliau, Gabenor membicarakan kepentingan melabur dalam modal insan untuk memperkukuh keupayaan intelek negara kerana pengumpulan dan penggunaan ilmu pengetahuan merupakan teras bagi kelebihan daya saing sesebuah negara dalam ekonomi global semasa.

24 Januari 2006

Pada Sidang Kemuncak Kewangan Islam Tahunan kelima di London, Gabenor berucap mengenai empat cabaran utama yang perlu ditangani untuk mengekalkan pembangunan kewangan Islam dalam sistem kewangan global, iaitu:

- pembangunan sistem kewangan Islam yang teguh di peringkat nasional;
- pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang efisien dan aktif;
- penerapan standard IFSB; dan
- pembangunan kumpulan bakat dalam kewangan Islam yang mencukupi.

30 Januari 2006

Bank Negara Malaysia mengeluarkan empat lesen takaful baru kepada konsortium dan usaha sama yang berikut:

- HSBC Insurance (Asia-Pacific) Holdings Limited, Jerneh Asia Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- Hong Leong Bank, Millea Asia (Japan) Pte. Ltd., dan Hong Leong Assurance;
- Bank Simpanan Nasional dan Prudential Holdings Limited; dan
- MAA Holdings Berhad dan Solidarity Co., Bahrain.

Selaras dengan dasar pemegangan saham semasa, pengendali takaful yang baru itu dibenarkan mempunyai kepentingan ekuiti asing sehingga 49%. Dengan empat pemegang lesen baru itu, bilangan pengendali takaful dalam negara bertambah kepada sembilan.

7 Februari 2006

Gabenor menyampaikan ucap utama di Persidangan Perbankan Islam Antarabangsa Kedua anjuran Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam bertajuk “Pengurusan Risiko, Pengawalan dan Penyeliaan” di Kuala Lumpur. Dalam ucap utamanya, Gabenor memperkatakan tentang cabaran pengurusan risiko dalam institusi kewangan Islam, serta pentingnya pengawalseliaan yang efektif sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan sistem kewangan Islam yang teguh dan mantap.

9 Februari 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan pengenalan instrumen monetari Islam yang baru, iaitu Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia untuk menambah kepada kepelbagaian instrumen monetari yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia dalam mengurus mudah tunai dalam Pasaran Wang Islam. Satu badan khas, iaitu BNM Sukuk Berhad diwujudkan untuk menerbitkan instrumen itu. Berdasarkan terbitannya secara tetap, Sukuk Ijarah dijangka menjadi penanda aras bagi bon Islam jangka pendek hingga jangka sederhana yang lain. Terbitan sulung itu dibuat pada 16 Februari 2006 dengan saiz terbitan sebanyak RM400 juta.

10 Februari 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelancaran Portal SMEinfo, www.smeinfo.com.my, iaitu gerbang maklumat dalam talian sehenti untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Portal SMEinfo ini, satu inisiatif Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan, menawarkan maklumat yang komprehensif mengenai semua aspek pembangunan PKS. Portal ini juga mengandungi Direktori PKS percuma untuk menggalakkan peluang perniagaan dan rangkaian perhubungan di kalangan PKS dalam semua sektor ekonomi.

14 Februari 2006

Sempena memperingati "Songket – Seni Warisan Agong" yang diilhamkan daripada usaha promosi yang dipelopori oleh Allahyarhamah Datin Paduka Seri Endon Mahmood, tiga jenis duit syiling peringatan – emas, perak dan dwilogam – telah dikeluarkan. Majlis pelancaran duit syiling peringatan itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

17 Februari 2006

Pada Majlis Makan Malam Tahunan Sulung Persatuan Alumni ICLIF di Kuala Lumpur, Gabenor menyatakan bahawa persekitaran baru ekonomi yang amat mencabar memerlukan pemimpin yang mampu untuk memenuhi permintaan-permintaan baru ekonomi baru, mampu berjaya dalam persekitaran yang lebih kompetitif, berupaya untuk memperoleh manfaat daripada teknologi baru dan akhirnya mampu beroperasi dalam persekitaran yang semakin tidak pasti.

22 Februari 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang pada kadar tahunan sebanyak 5.2% pada suku keempat tahun 2005. Sektor perkilangan dan perkhidmatan merupakan pemacu utama pertumbuhan. Peningkatan eksport yang lebih kukuh menambah sokongan kepada aktiviti sektor swasta dalam negeri. Sentimen pengguna yang lebih tinggi dan keyakinan perniagaan yang mapan menyokong pertumbuhan yang kukuh. Bagi tahun 2005 secara keseluruhan, gandingan permintaan dalam negeri dan eksport yang kukuh menghasilkan pertumbuhan keseluruhan keluaran dalam negeri kasar benar sebanyak 5.3%.

Jawatankuasa Dasar Monetari membuat keputusan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% dengan tujuan untuk menjajarkan keadaan monetari kepada persekitaran semasa. Teras dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

23 Februari 2006

Timbalan Gabenor, Datuk Zamani Abdul Ghani menyampaikan ucap utama di Seminar Pengawalseliaan Takaful Ke-2 yang bertemakan "Pembangunan Sektor Takaful yang Progresif dalam Keseluruhan Sistem Kewangan Islam" di Langkawi. Timbalan Gabenor berkongsi pengalaman serta pendekatan yang dilaksanakan oleh Malaysia untuk membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif dan efektif.

10 Mac 2006

Menteri Kewangan mengumumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah memperkenankan pelanjutan pemegangan jawatan oleh Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia untuk lima tahun lagi bermula 1 Mei 2006.

22 Mac 2006

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2005 dikeluarkan. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang lebih pantas, dengan KDNK benar meningkat sebanyak 6%, disokong oleh eksport yang bertambah kukuh dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan.

23 Mac 2006

Pusat Pendidikan dalam Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Dalam kata alu-aluannya, Gabenor menyatakan bahawa penubuhan INCEIF merupakan pelaburan dalam modal insan untuk menyokong pembangunan global industri perkhidmatan kewangan Islam. INCEIF akan menawarkan program pensijilan dalam kewangan Islam yang pertama di dunia, iaitu Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIFP), serta program lepasan ijazah yang meliputi ijazah Sarjana dan Kedoktoran khusus dalam pelbagai bidang kewangan Islam.